

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JULAI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Pertumbuhan Ekonomi Suku Kedua Diunjur Lebih Kukuh



Bisnes

Sabtu, 19 Julai 2025
bhbiz@nstp.com.my

+ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Pertumbuhan ekonomi suku kedua diunjur lebih kukuh

Anggaran awal 4.5 peratus lebih baik daripada jangkaan dikeluarkan Bloomberg

Oleh Shahrizan Seliha
shahrizan_seliha@mediaprima.com.my

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan suku kedua 2025 dianggarkan bertumbuh 4.5 peratus, prestasi yang diunjur lebih baik berbanding pertumbuhan 4.4 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Anggaran awalan itu menunjukkan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia terus kekal pada April dan Mei, dengan jangkaan prestasi lebih kukuh dicatatkan pada Jun.

Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia dijangka berterusan sederhana 4.4 peratus pada separuh tahun pertama 2025, sekali gus tidak jauh daripada julat sasaran rasmi kerajaan antara 4.5 hingga 5.5 peratus untuk seluruh tahun ini.

Angka anggaran awal suku kedua itu juga lebih baik daripada media 4.2 peratus diperoleh daripada pungutan pendapat oleh Bloomberg, baru-baru ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata ekonomi Malaysia terus berkembang pada suku kedua 2025, didorong permintaan pengguna yang kukuh walaupun berdepan dengan cabaran global yang berterusan.

Beliau berkata, penggunaan domestik kekal sebagai pemacu utama, disokong kesan pelarasan gaji sektor awam, cuti sekolah dan perbelanjaan bermusim ketika Aidilfitri dan Aidiladha.

Menurutnya, pasaran buruh yang stabil dengan kadar pengangguran dan inflasi rendah turut mengukuhkan perbelanjaan isi rumah.

"Selain itu, pelaksanaan berterusan program bantuan-tunai seperti Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) menyumbang kepada pengedaran perbelanjaan isi rumah sepanjang tahun ini," katanya.

Prestasi berbilang

Mengikut sektor ekonomi, Mohd Uzir berkata, pembuatan menunjukkan prestasi yang pelbagai dengan pertumbuhan 5.6 peratus pada April sebelum menyederhana 2.8 peratus pada Mei.

Pertumbuhan ini, menurutnya disumbangkan aktiviti berterusan dalam subsektor elektrik dan elektronik (E&E) serta permintaan kukuh daripada industri berorientasikan domestik, seperti yang ditunjukkan oleh Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP).

Begitu juga, katanya, jumlah perniagaan edaran yang mencerminkan aktiviti pengguna dan perniagaan meningkat 4.4 peratus pada Mei, mereda daripada 4.7 peratus pada April, terutamanya didorong oleh prestasi yang stabil dalam perdagangan borong dan runcit.

"Bagaimanapun, sektor luaran menunjukkan prestasi berbilang dengan aktiviti perdagangan berkembang lebih perlahan pada Mei disebabkan permintaan lemah bagi eksport barangan.

Secara keseluruhan, walaupun perbelanjaan domestik kekal menjadi tunjang utama ekonomi, sektor luaran berdepan cabaran, dipengaruhi perkembangan berkaitan tarif serta ketidakpastian politik global yang berterusan," katanya.

Mohd Uzir berkata, melihat kepada prestasi masing-masing sektor, perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada suku kedua 2025, mencatatkan peningkatan 5.3 peratus berbanding 5.0 peratus pada suku pertama, disumbang terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan serta perkhidmatan perniagaan.

"Sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan 3.5 peratus, disokong pengeluaran produk elektrik, elektronik dan optikal serta minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan selain proses makanan," katanya.

Beliau menambah, sektor pembinaan merekodkan pertumbuhan dua angka bagi enam suku tahun berturut-turut dengan pertumbuhan 11 peratus, disokong terutamanya oleh langganan bukan kediaman dan aktiviti pembinaan pertukangan khas.

Katanya, sektor pertanian mencatatkan peningkatan 2.0 peratus, didorong oleh subsektor kelapa sawit.

"Sementara itu, sektor lombong dan pengeluar terus menyusut kepada 7.7 peratus, dipengaruhi oleh pengeluaran yang lebih rendah dalam semua subsektor," katanya.

Susulan daripada anggaran awalan ini, KDNK preliminary yang menyediakan analisis terperinci dan komprehensif mengenai prestasi ekonomi bagi suku kedua 2025 akan diterbitkan pada 18 Ogos 2025.



Mohd Uzir Mahidin

Dagangan separuh pertama 2025 negara catat RM1.465 trilion

Perdagangan Malaysia meningkat kukuh 4.8 peratus tahun ke tahun pada separuh pertama 2025 kepada RM1.465 trilion, rekod tertinggi bagi tempoh separuh tahun.

Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) dalam satu kenyataan berkata, bagi tempoh dikaji, eksport menokok 3.8 peratus kepada RM760.2 bilion dan import bertambah 5.9 peratus kepada RM704.67 bilion, dengan lebihan dagangan sebanyak RM55.53 bilion direkodkan.

Menurus laporan perangkaan perdagangan luar Malaysia, MITI memaklumkan perdagangan dengan China kemang 6.3 peratus ke-

da RM248.82 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

"Eksport menurun 4.3 peratus kepada RM66.8 bilion disebabkan pengurangan eksport gas asil cecair (LNG), barangan perkilangan logam serta kimia dan bahan kimia.

"Meskipun merekodkan penyusutan, kenaikan eksport telah direkodkan bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E), jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan perkilangan berasaskan minyak sawit.

"Import dari China meningkat 13 peratus kepada RM162.01 bilion," katanya.

Dalam laporan, MITI berkata, perdagangan dengan

Amerika Syarikat (AS) turut berkembang 32.6 peratus kepada RM186.62 bilion dengan eksport mengukuhkan trend peningkatan dengan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 28 peratus kepada RM111.59 bilion disumbangkan kenaikan eksport barangan E&E, barangan makanan diproses serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

Dalam segi prestasi bulanan, MITI bagaimanapun memaklumkan perdagangan pada Jun mencatat penurunan kecil 1.2 peratus kepada RM234.85 bilion berbanding Jun 2024.

Ia berkata, bagi tempoh bulan dikaji, eksport menyusut 3.5 peratus kepada RM121.72 bilion,

manakala import meningkat 1.2 peratus kepada RM113.13 bilion.

Katanya, lebihan dagangan kembali meningkat pada Jun 2025 kepada RM8.59 bilion, berbanding RM759.9 juta yang direkodkan pada Mei 2025.

Menurutnya, ini adalah lebihan yang ke-62 bulan berturut-turut sejak Mei 2020, sekali gus mencerminkan ketahanan berterusan dalam kedudukan perdagangan luar Malaysia.

"Penurunan eksport ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport barangan perkilangan dan hasil galian, khususnya keluaran petroleum, LNG dan petroleum mentah.

"Sebahagian daripada penyusutan ini telah diimbangi oleh peningkatan berterusan eksport minyak sawit dan bahan pertanian berasaskan minyak sawit, yang mencatatkan pertumbuhan dua angka pada Jun 2025, meneruskan momentum pertumbuhan bagi 15 bulan berturut-turut.

"Ini turut di sokong oleh kenaikan eksport jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan E&E. Prestasi eksport barangan E&E dilihat sejajar dengan unjuran World Semiconductor Trade Statistics (WSTS) yang mengunjurkan peningkatan 11.2 peratus dalam jualan semikonduktor global bagi 2025," katanya.

